



Ketua Setiausaha
(Secretary General)

Kementerian Pelajaran Malaysia
(Ministry of Education Malaysia)
Aras 8, Blok E8,
Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88846069
Fax : 03-8885124
Website : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami: KP(BKEW/BT)1800/G-03(28)
Tarikh : 16 Mac 2012

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

KEBENARAN MEMBELANJAKAN LEBIHAN BAKI BANTUAN GERAN PER KAPITA (PCG) DAN BANTUAN MAKANAN ASRAMA (BMA) TAHUN 2011

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Bahagian Kewangan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengedarkan surat siaran Penggantungan Arahan Pemulangan Lebihan Baki Bantuan Geran Per Kapita (PCG) dan Bantuan Makanan Asrama (BMA) Tahun 2011 (setelah mengambil kira jumlah yang dibawa ke tahun hadapan sebanyak 5%) Kepada Akaun Hasil Kerajaan bertarikh 6 Januari 2012.

3. Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa, Mesyuarat JPKA KPM Bil. 1 Tahun 2012 pada 28 Februari 2012 telah memutuskan untuk **memberikan kebenaran kepada pihak sekolah untuk membelanjakan lebihan baki PCG dan BMA tahun 2011 tersebut mulai 16 Mac 2012 sehingga 31 Disember 2012**. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada jenis dan syarat perbelanjaan berikut sahaja:

- a. Jenis perbelanjaan:
 - i. **perolehan inventori dan harta modal** termasuk penggantian perabot bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan asrama;
 - ii. **penyelenggaraan/pembaikan kecil** sekolah dan asrama dengan jumlah perbelanjaan tidak melebihi RM2,000 bagi setiap kerja tersebut dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan tidak melebihi RM50,000. (contoh: penggantian pintu dan/atau tombol pintu, jubin lantai pecah/rosak, cermin tingkap pecah, kerosakan tandas, saluran paip bocor/pecah). **Pihak sekolah dilarang sama sekali melakukan kerja-kerja ubah suai, menaik taraf dan binaan baru;**

- iii. **penyelenggaraan/pembaikan kritikal** sekolah dan asrama akibat bencana alam dengan jumlah tidak melebihi RM50,000; dan
- iv. **perolehan peralatan ICT** yang tidak memerlukan kelulusan JPICT dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan tidak melebihi RM5,000. Perolehan komputer tablet **TIDAK DIBENARKAN**.

b. Syarat perbelanjaan:

- i. perbelanjaan bagi perolehan dan pemasangan alat penyaman udara **TIDAK DIBENARKAN**; dan
- ii. perbelanjaan boleh terus dilakukan menggunakan lebihan baki PCG Matapelajaran dan Bukan Matapelajaran atau BMA yang terlibat tanpa perlu melaksanakan pindah peruntukan.

4. **Lebihan baki PCG dan BMA tersebut hendaklah habis dibelanjakan sehingga 31 Disember 2012. Sekiranya pihak sekolah masih mempunyai lebihan baki yang tidak habis dibelanjakan selepas 31 Disember 2012, maka lebihan tersebut akan dibawa ke tahun 2013 dan diambil kira sebagai sebahagian daripada peruntukan tahun tersebut.**

5. Pengurus Sekolah yang telah terlebih dahulu memulangkan lebihan baki tahun 2011 pada awal tahun 2012 sebagai mematuhi arahan dalam SPK Bil. 8 Tahun 2010, sila ambil maklum bahawa lebihan baki tersebut tidak dapat dipulangkan semula kepada pihak sekolah kerana telah dikreditkan ke Akaun Hasil Kerajaan Persekutuan.

6. Sehubungan itu, Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta untuk memanjangkan perkara ini seberapa segera kepada semua sekolah dan institusi berkaitan di bawah seliaan Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sesalinan surat ini juga boleh didapati daripada laman sesawang KPM untuk capaian semua pihak. Sebarang kemusykilan mengenai surat siaran ini boleh diajukan kepada Encik Mohamad Afzanizzam bin Zahran/Puan Nor Zarina binti Razak di talian 03-88847630/7643.

Sekian, terima kasih.



DATO' DR. ROSLI BIN MOHAMED
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k:

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
3. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, KPM
4. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
5. Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM
6. Ketua Nazir, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, KPM
7. Setiausaha Bahagian, Bahagian Audit Dalam, KPM
8. Setiausaha Bahagian, Bahagian Audit Sekolah, KPM

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
2. Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
3. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
4. Pengarah
Bahagian Sukan
5. Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
6. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Aras Bawah dan Aras 2
No.2251, Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya, SELANGOR
7. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama/Sekolah Kecemerlangan
Aras 3, Blok 2251
Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya, SELANGOR
8. Rektor
Institut Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 1, Enterprise Building 3, Blok 2200
Jalan Persiaran APEC Cyber 6
63000 Cyberjaya, SELANGOR
9. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar, PERLIS

10. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan,
Jalan Stadium
05100 Alor Setar, KEDAH
11. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 PULAU PINANG.
12. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, PERAK
13. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam, SELANGOR
14. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Duta off Jalan Duta
50480 KUALA LUMPUR.
15. Timbalan Pengarah Pelajaran
Pejabat Pelajaran Wilayah Persekutuan Putrajaya
Jalan P16, Presint 16
62150 Wilayah Persekutuan Putrajaya
16. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 Seremban, NEGERI SEMBILAN

17. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Melaka
Jalan Istana
Peti Surat No. 62
75450 Bukit Beruang, MELAKA.
18. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Johor
Wisma Pendidikan
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru, JOHOR
19. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan, PAHANG
20. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu, TERENGGANU
21. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan
Jalan Doktor
15000 Kota Bahru, KELANTAN
22. Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
Tingkat 4,5 & 7 Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88604 Kota Kinabalu, SABAH.
23. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak
Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang
Jalan Simpang Tiga
93604 Kuching, SARAWAK

24. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020 Wilayah Pesekutuan Labuan
25. Semua Pengetua dan Guru Besar Sekolah